

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Telur nyamuk aedes disuntik bakteria Wolbachia

11 lokaliti di KL jadi lokasi pemula

Langkah proaktif cegah kes denggi makin meningkat

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 11 lokaliti di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dipilih menjadi lokasi pemula pembiakan telur nyamuk Aedes disuntik bakteria Wolbachia dalam usaha kerajaan menurunkan kes denggi di negara ini.

Langkah proaktif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu diambil berikutan peningkatan mendadak kes denggi yang hingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 62,421 kes denggi dilaporkan dari 1 Januari hingga 29 Jun memabitkan 93 kematian, berbanding 32,435 kes bagi tempoh sama pada 2018, iaitu peningkatan sebanyak 29,986 kes (92.4 peratus). Sebanyak 53 kematian dicatatkan dalam tempoh sama 2018.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Malaysia adalah negara kedua di dunia selepas Australia yang melaksanakan kaedah berkenaan sebagai pencegahan terhadap kes denggi.

Katanya, Mesyuarat Jawatan-kuasa Kebangsaan Mengenai Denggi meluluskan pelaksanaan operasi itu selepas kajian rintis di lapan lokaliti di Selangor pada Mac 2017 menunjukkan hasil po-

Operasi pelepasan telur nyamuk aedes disuntik bakteria Wolbachia babit negeri berkepadatan penduduk dan beban kes denggi tinggi.

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

sitif apabila berjaya menurunkan kes denggi hingga 60 peratus.

"Bagi fasa pertama, operasi pelepasan telur nyamuk Aedes disuntik bakteria Wolbachia memabitkan negeri berkepadatan penduduk dan beban kes denggi tinggi iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

"Pelaksanaan seterusnya akan diperluaskan ke negeri lain. KKM akan sentiasa memantau dan membuat analisa situasi bagi memastikan keberhasilan operasi ini," katanya pada Majlis Pelepasan Telur Nyamuk Aedes Ber-Wolbachia, di sini, semalam.

Pada 2 April lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata nyamuk disuntik bakteria Wolbachia adalah inovasi dalam menangani peningkatan kes denggi.

"Bakteria Wolbachia disuntik ke dalam telur nyamuk Aedes Aegypti. Nyamuk berkenaan akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di dalam nyamuk, seterusnya menghalang penyebaran

PROGRAM KAWALAN DENGGI MELALUI PROJEK WOLBACHIA DI KAWASAN ANDA

Projek ini adalah usaha Kementerian Kesihatan mengawal denggi

Apakah Wolbachia?

Wolbachia adalah bakteria yang hidup dalam sel serangga berturun tahun dahulu dan diwarisi kepada generasi seterusnya melalui telur

Wolbachia secara semula jadi terdapat dalam lebih 60% jenis serangga

Wolbachia tidak berbahaya kepada

Bagaimana Wolbachia mencegah denggi?

- Wolbachia akan merencatkan keupayaan serangga untuk menyebarkan virus termasuk virus denggi
- Nyamuk berWolbachia tidak dapat menyebarkan virus denggi kepada manusia
- Nyamuk aedes berWolbachia ini selamat kepada manusia dan alam sekitar

www.infosihat.gov.my


virus denggi," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut berharap supaya wakil rakyat, penduduk setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mem-

beri sokongan penuh terhadap pelaksanaan operasi itu.

"Walaupun operasi ini dilaksanakan bagi mencegah denggi namun aspek kebersihan perseki-

tan dan aktiviti memusnahkan tempat pembiakan Aedes tetap menjadi keutamaan kepada semua pihak terutamanya penduduk setempat," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : SETEMPAT

Lepas telur nyamuk Aedes berWolbachia

Kuala Lumpur: Kes denggi di negara ini dijangka menurun selepas pelepasan telur nyamuk Aedes berWolbachia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaksanakan bagi menangani peningkatan kes denggi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia susulan kejayaan kajian perintis di lapan lokaliti di Selangor sejak Mac 2017 yang menunjukkan penurunan kes denggi sebanyak 60 hingga 80 peratus.

Beliau berkata, kaedah nyamuk Aedes berWolbachia dipilih bagi menangani beban kes denggi yang tinggi dan mengurangkan keberuntungan kepada kawalan

nyamuk menggunakan racun serangga.

"Pada tahun ini, sebanyak 62,421 kes denggi direkodkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 29 Jun lalu berbanding tahun lalu dengan 32,435 kes dilaporkan bagi tempoh sama dengan peningkatan 29,986 kes.

"Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 35,544 kes diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya (7,248) Johor (5,142), Pulau Pinang (3,037), Sabah (2,599) dan Perak (1,630).

"Jumlah kumulatif kematian demam denggi dari 1 Januari hingga 29 Jun lalu adalah 93 kematian berbanding 53 kematian bagi tem-

Tunggu laporan klinikal

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunggu laporan penuh seorang lelaki yang mendakwa kematian isterinya akibat pencemaran di Pasir Gudang, kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau belum mempunyai butiran lanjut mengenainya.

"Saya akan dapat laporan lengkap pada petang atau malam ini.

"Sebaik sahaja mendapat laporan itu daripada Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz, saya akan buat sidang media atau kenyataan akhbar. Jadi tunggu.

"Saya tidak mempunyai maklumat lagi dan menanti laporan lengkap segala penemuan klinikal serta sebagainya. Harap semua bersabar," katanya.

poh sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 40 kes kematian," katanya selepas Majlis Kick-Off Pele-

pasan Telur Nyamuk Aedes Berwolbachia 2019 di Pangsapuri Sri Rakyat, Bukit Jalil di sini, semalam.



DR Dzulkefly (tengah) bersama Kok (kiri) menyerahkan bekas telur nyamuk kepada penghuni Pangsapuri Sri Rakyat, Chua Chee Seong.

Turut hadir, Menteri Industri Utama, Teresa Kok. Dalam majlis itu, sebanyak 180 bekas pelepasan (RC)

yang mengandungi 150 telur nyamuk Aedes berWolbachia diletakkan di tiga blok di pangsapuri berkenaan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEGARA

Kematian Marini bukan disebabkan pencemaran udara

PUTRAJAYA - Kematian seorang wanita di Pasir Gudang, Johor kelmarin dipercayai akibat kekurangan oksigen dalam darah bukan disebabkan oleh insiden pencemaran udara di kawasan tersebut.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkifly Ahmad berkata, berdasarkan presentasi klinikal, gejala yang dialami serta hasil pemeriksaan berkaitan menunjukkan wanita itu, Marini Kasman, 38, mengalami kegagalan jantung dan fungsi jantung merudum akibat masalah kesihatan yang kronik.

Jelasnya, semakan laporan sedia ada di Hospital Sultan Ismail (HSI) juga mendapati tiada rekod menunjukkan Allahyarham pernah mendapat rawatan semasa kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim atau sejak 20 Jun 2019 lalu.

"Punca kematiannya bukan disebabkan oleh insiden pence-

maran di Pasir Gudang. Wanita itu merupakan seorang penghidap penyakit kronik terutama penyakit darah tinggi selama 10 tahun.

"Allahyarham telah dibawa ke HSI Jumaat lalu kerana mengalami gejala kesukaran bernafas dan batuk selama tiga hari, bengkak pada kaki dan demam selama sehari," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Media tempatan semalam melaporkan, seorang penduduk Pasir Gudang, Marini meninggal dunia akibat sesak

nafas dipercayai ada kaitan dengan pencemaran di daerah itu.

Menurut laporan itu, Marini yang tinggal di Taman Cahaya Masai yang juga peniaga minuman meninggal dunia Sabtu lalu dipercayai akibat kekurangan oksigen dalam darah ketika mendapatkan rawatan di HSI.

Sementara itu, suami mangsa, A. Bakar Abd. Rahman, 48, berkata, isterinya meninggal dunia akibat kegagalan fungsi jantung selepas dikejarkan ke HSI sejurus mengadu sesak nafas.

"Isteri saya memang ada menghidap penyakit asma dan sehari sebelum meninggal dia mengadu sesak nafas sebelum saya bawa dia ke hospital.

"Doktor cakap tekanan darah dia memang tinggi, paru-paru pula banyak masuk air dan kekurangan oksigen dalam badan sebelum menghembus nafas terakhir kira-kira pukul 4 pagi," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Cahaya Masai di sini semalam.

A. Bakar turut terkilan dengan laporan berita yang tular

di media sosial yang mendakwa isterinya meninggal dunia akibat sesak nafas berpunca daripada pencemaran udara di Pasir Gudang.

Susulan laporan itu, bapa kepada seorang cahaya mata membuat satu laporan polis di Balai Polis Taman Scientex di sini membersihkan nama baik keluarganya.



A. BAKAR



KENYATAAN palsu yang tular dengan mengaitkan kematian Marini berpunca daripada pencemaran udara di Pasir Gudang.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan akan lakukan kaedah sama di seluruh negara mulai September

Nyamuk wolbachia kawal denggi

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Sebanyak 27,000 telur nyamuk Aedes yang disuntik dengan bakteria wolbachia dilepaskan dalam operasi kawalan denggi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Pangsapuri Sri Rakyat, Bukit Jalil di sini semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, langkah tersebut dilakukan susulan kejayaan kajian rintis di lapar lokaliti kes denggi di Selangor sejak Mac 2017 yang menunjukkan penurunan kes sebanyak 50 hingga 80 peratus setiap lokaliti.

Katanya langkah itu menjadikan Malaysia negara kedua di dunia selepas Australia menggunakan kaedah berkenaan sebagai pencegahan dan kawalan kes denggi.

"Pelaksanaan kaedah ini dipilih bagi menangani beban kes denggi dan mengurangkan ketergantungan kepada kawalan nyamuk dengan menggunakan



CONTOH telur nyamuk Aedes yang disuntik dengan bakteria wolbachia.

racun serangga," katanya selepas majlis pelepasan telur nyamuk Aedes mengandungi wolbachia di Pangsapuri Sri Rakyat, Bukit Jalil di sini semalam.

Jelasnya, kaedah sama akan dilakukan secara berperingkat di seluruh negara bermula September ini bagi mengawal dan menangani kes denggi yang meningkat setiap tahun.

Nyamuk yang disuntik dengan wolbachia adalah satu inovasi dalam menangani peningkatan kes denggi. Bakteria wolbachia



DZULKEFLY (kiri) bersama Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim (dua dari kiri) menyerahkan bekas mengandungi telur nyamuk Aedes yang disuntik dengan bakteria wolbachia kepada penduduk di Kuala Lumpur semalam.

disuntik ke dalam telur nyamuk aedes aegypti dan akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di dalam nyamuk dan seterusnya menghalang penyebaran virus denggi.

Dalam pada itu, Dzulkefly

berkata, sehingga kini sebanyak 62,421 kes denggi telah dilaporkan sejak 1 Januari hingga 29 Jun, berbanding kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 29,936 kes.

INFO Nyamuk Aedes wolbachia

- Bakteria wolbachia wujud secara semula jadi dalam kebanyakan serangga.
- Nyamuk Aedes yang dijangkiti bakteria wolbachia menjadikan serangga tersebut mandul.
- Apabila nyamuk yang dijangkiti wolbachia bersenyawa dengan nyamuk betina liar, ia akan menghasilkan telur yang tiada benih.
- Keadaan ini akan mengurangkan populasi nyamuk Aedes.
- Kaedah tersebut tiada kesan sampingan terhadap serangga lain, manusia atau haiwan peliharaan.

Sementara jumlah kumulatif kematian demam denggi pula mencatatkan sebanyak 93 kes berbanding hanya 53 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 40 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kaedah baru tangani denggi

**Nyamuk aedes
mengandungi
bakteria
wolbachia
dilepaskan**

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan akan menggunakan kaedah pelepasan nyamuk aedes mengandungi bakteria wolbachia secara berperingkat di seluruh negara bagi mengawal dan menangani kes denggi yang meningkat saban tahun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, langkah ini susulan kejayaan kajian rintis di lapan lokaliti kes denggi di Selangor sejak Mac 2017 yang menunjukkan penurunan kes sebanyak 50 hingga 80 peratus setiap lokaliti.

Menurutnya, langkah itu menjadikan Malaysia negara kedua di dunia selepas Australia menggunakan



Dzulkefly bersama Menteri Industri Utama, Teresa Kok Suh Sim (kiri) pada pelancaran 'KICK-OFF' Pelepasan Telur Nyamuk Aedes berWolbachia di Apartmen Sri Rakyat Bukit Jalil semalam. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong (dua dari kanan).

kaedah berkenaan sebagai pencegahan dan kawalan kes denggi.

"Pelaksanaan kaedah ini dipilih bagi menangani beban kes denggi dan mengurangkan kebergantungan kepada kawalan nyamuk dengan menggunakan racun serangga," katanya selepas majlis pelepasan telur nyamuk aedes mengandungi wolbachia di Apartmen Sri Rakyat, Bukit Jalil di sini semalam.

Pada 2019, sebanyak 62,421 kes denggi dilaporkan dari 1 Januari hingga 29 Jun, berbanding 32,435 kes bagi tempoh sama pada 2018 iaitu peningkatan sebanyak 29,986 kes (92.4 peratus).

"Jumlah kumulatif kematian denggi bagi tempoh sama tahun ini adalah sebanyak 93 kematian, berbanding 53 kematian dalam tempoh yang sama tahun lepas," katanya.

Dzulkefly berkata, sebanyak 180 bekas yang setiap satunya mempunyai 150 bekas kecil berisi telur nyamuk mengandungi wolbachia akan dibekalkan kepada 11 lokaliti terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor pada fasa pertama program itu. Difahamkan, kos pelepasan telur nyamuk itu bernilai RM120,000.

"Pelaksanaan fasa kedua dan seterusnya akan diper-



luaskan ke negeri lain secara berperingkat mulai September ini," katanya.

Dzulkefly menegaskan masyarakat hendaklah menitikberatkan aspek kebersihan persekitaran dan aktiviti memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan tumpuan pemberantasan sekurang-kurangnya 10 minit pada setiap ming-

gu bagi menangani kes denggi.

Mengulas kematian seorang wanita akibat penyakit asma di Pasir Gudang kelmarin, Dzulkefly berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Kesihatan Johor sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.

Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : PENCEMARAN UDARA DI PASIR GUDANG

Meninggal kerana sakit jantung

Suami kecewa ada pihak sebar berita palsu, ambil kesempatan kematian isterinya

PUTRAJAYA



Seorang wanita yang meninggal dunia di Pasir Gudang, Johor bukan disebabkan oleh pencemaran udara sebaliknya berpunca daripada kegagalan jantung.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, wanita berkenaan, Marini Kasman, 38, merupakan seorang penghidap penyakit kronik terutama penyakit darah tinggi selama 10 tahun.

Jelas beliau, wanita itu telah dibawa ke Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (HSIJB) pada 5 Julai lalu kerana mengalami gejala kesukaran bernafas dan batuk selama tiga hari, bengkak di bahagian kaki dan demam selama sehari.

"Arwah telah dimasukkan ke dalam wad di mana pemeriksaan mendapati arwah berada dalam keadaan akut iaitu tekanan darah yang sangat tinggi serta kadar pernafasan yang tinggi (sesak nafas).

A Bakar tidak dapat menahan sebak ketika menceritakan punca kematian isterinya.

"Pasukan perubatan yang merawat telah berusaha sedaya upaya memberikan rawatan kepadanya, namun keadaan kesihatannya menjadi semakin serius dan telah meninggal dunia pada 6 Julai, jam 4.20 pagi dengan penyebab kematian sebagai *de-compensated heart failure*.

"Berdasarkan presentasi klinikal, gejala yang dialami serta hasil pemeriksaan dan ujian berkaitan telah menunjukkan arwah mengalami kegagalan jantung dan fungsi jantung yang merudum akibat masalah kesihatan yang kronik," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Pada 6 Julai lalu, tular di media sosial apabila seorang wanita didakwa mengalami sesak nafas dan meninggal dunia akibat terdedah dengan pencemaran udara di Pasir Gudang.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, semakan laporan di HSIJB mendapati bahawa tiada rekod yang melaporkan wanita itu



MARINI

pernah mendapatkan rawatan semasa kejadian di Sungai Kim Kim atau sejak 20 Jun lalu.

"Pihak KKM mengucapkan takziah kepada suami serta ahli keluarga dan bersedia untuk berjumpa dengan ahli keluarga arwah bagi menerangkan semula penyebab kematian.

"Orang ramai, pihak media dan juga lain-lain pihak adalah dinasihatkan untuk menghormati perasaan keluarga arwah serta mengelak menyebarkan maklumat yang tidak sahih atau tidak benar," katanya.

Sementara itu suami arwah, A Bakar Abd Rahman, 47, berkata, dia kecewa apabila berita sedih yang menimpa keluarganya itu telah dijadikan bahan pihak tidak bertanggungjawab untuk kepentingan tertentu.

"Akwah isteri saya memang ada sakit, sebelum ini dia juga menghidap darah tinggi. Sebelum meninggal dunia, doktor juga ada maklumkan yang paru-paru iste-

ri saya sudah dimasuki air dan kurang oksigen.

"Dia juga telah dikejarkan ke hospital malam itu (5 Jun) dengan ambulans kerana mengadu sesak nafas sebelum disahkan meninggal dunia jam 4 pagi," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Cahaya Masai di sini semalam.

Bapa kepada seorang cahaya mata berusia tujuh tahun itu juga memaklumkan akibat daripada penularan berita palsu tersebut, dirinya telah dipanggil polis untuk membantu siasatan.

"Perkara ini (berita kematian isteri) mula disedari saya pagi tadi (semalam), semuanya maklum isteri saya meninggal dunia kerana Kim Kim. Disebabkan perkara ini juga saya telah dipanggil oleh polis untuk berikan keterangan lagi.

"Saya minta sangat berita ini dihentikan, saya tidak mahu perkara ini jadi lebih panjang dan tidak redha jika kuburnya pula perlu digali," katanya.

Dia juga berharap pihak berkuasa dapat menjalankan siasatan sekali gus mengambil tindakan kepada pihak yang sengaja menimbulkan isu ini.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Tainted mozzies to help fight dengue

Health Ministry releases bacteria-infected Aedes mosquitoes to eliminate disease

By JO TIMBUONG
jo.timbuong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Dengue cases could see a downward trend after the Health Ministry kicked off its programme to release Aedes mosquitoes infected with the Wolbachia bacteria in an effort to eliminate the disease.

Being the second country to use the biocontrol strategy after Australia, this programme follows a successful pilot project in 2017 carried out in eight areas in Selangor that showed reductions of between 50% and 80% in dengue cases in each location.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said releasing Wolbachia-infected mosquitoes could also reduce dependence on the use of insecticides to control the mosquito population.

"Insecticides may have side effects," he said.

The Wolbachia bacteria stops the dengue virus from replicating, making the mosquito unable to spread the virus when it bites.

This new dengue-fighting strategy involves placing containers with Aedes mosquito eggs injected with the bacteria at 11 locations in Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor

before releasing the hatched insects in phases.

When the infected mosquitoes mate with wild, uninfected ones, they are likely to produce Wolbachia-infected offspring or lay

eggs that will not hatch.

For example, when an infected female mosquito mates with an uninfected male, they will produce Wolbachia-infected mosquitoes.

It is the same when both infected

mosquitoes mate.

But when a Wolbachia-infected male mosquito mates with an uninfected female, the eggs will not hatch.

The bacteria does not pose any

danger to humans.

The Health Ministry is expected to extend the programme to other states by September.

"While the ministry is taking every effort to fight dengue, residents should continue to destroy potential Aedes breeding grounds in their areas," Dzulkefly said at the launch of the programme at Apartment Sri Rakyat in Bukit Jalil where 35 cases of dengue were detected last year.

Residents there also had to deal with at least three episodes of the disease this year with 15 cases recorded.

Between 2014 and 2018, the area had 123 cases.

Dzulkefly also said that there was a 92.4% increase in dengue cases nationwide in the first six months of this year.

"There were 62,421 dengue cases between Jan 1 and June 29 with 93 deaths compared to 32,435 cases with 53 deaths in the same period last year," he said.



Preventive measure: Seven-year-old Nazrul Dafize Mahathir placing a container of infected Aedes mosquito eggs outside his home at Apartment Sri Rakyat in Bukit Jalil as his mother Norliza Muhamad Nor, 37, looks on.

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION

BIO-CONTROL STRATEGY

WOLBACHIA MOZZIES TO FIGHT DENGUE

Ministry releases
Wolbachia-infected
mosquitoes at 11
locations

MOHD NOOR ASWAD
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THERE is a new sheriff in town and his name is Wolbachia, an ally in the nation's fight against dengue.

This follows the release of Aedes mosquitoes injected with the Wolbachia bacteria at 11 locations in Putrajaya, Selangor and here.

"Malaysia is the second in the world after Australia to use this approach," said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The move came following a pilot project in 2017, which was carried out at eight locations in Selangor.

The outcome saw a reduction of between 50 and 80 per cent in dengue cases in the areas.

Dr Dzulkefly said the bio-con-



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) presenting a container of Aedes mosquito eggs infected with the Wolbachia bacteria (inset) to a Sri Rakyat Apartment resident in Bukit Jalil, Kuala Lumpur, yesterday. With them is Primary Industries Minister Teresa Kok (left). PIC BY ZUNNUR AL SHAFIQ

trol strategy would reduce dependence pesticide to manage the mosquito population.

When a male Wolbachia-infected mosquito mates with a female Aedes mosquito, they will produce eggs that will not hatch.

The Wolbachia bacteria does not pose any danger to humans,

animals or the environment.

"This is the ministry's innovative approach to fight dengue," Dr Dzulkefly said after releasing Wolbachia bacteria-infected mosquitoes at the Sri Rakyat Apartment in Bukit Jalil here yesterday.

He said for the first phase of the

project, the ministry would focus on two zones in Putrajaya and here.

It would monitor its progress until it was satisfied before continuing with the second phase.

The ministry is expected to expand the programme to other states in September.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ministry enlists AI, wolbachia bacteria in war on dengue

■ BY KEVIN DAVASAGAYAM
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Health Ministry plans to use artificial intelligence (AI) to fight the dengue epidemic.

Its minister, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, said this was a pre-emptive measure rather than a reactive one.

"With the help of AI, we will be able to predict the probability of growth in the number of mosquitoes based on demographics," he said at a ceremony to release wolbachia-infected mosquitoes at Apartment Sri Rakyat in Bukit Jalil here yesterday.

A pilot project is already being carried out in Penang, he added.

Dzulkefly said wolbachia infection could reduce the dependence on insecticides to control the growth of the mosquito population and therefore combat the spread of dengue.

Unlike insecticides, wolbachia does not have side effects, he said.

He said there were 62,421 new dengue cases with 93 deaths from Jan 1 to June 29, compared with 32,435 cases with 53 deaths in

the same period last year, an increase of 92.4%.

According to Dzulkefly, Malaysia will be the second country in the world to adopt the "pulling a thorn with thorn" method after Australia.

A wolbachia initiative in eight localities in Selangor under a 2017 pilot project proved successful.

It led to a reduction of 50% to 80% in the number of cases in each location.

Under the current programme, 180 containers of aedes mosquito eggs infected with the bacteria will be released in 11 locations in Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor in phases.

The wolbachia bacteria stops the dengue virus from replicating so the mosquito does not spread the virus when it bites.

When a wolbachia-infected female mosquito mates with an uninfected male, they will produce wolbachia-infected mosquitoes.

When a wolbachia-infected male mosquito mates with an uninfected female, the eggs won't hatch.

Dzulkefly said wolbachia does not pose any danger to humans.



Dzulkefly and Primary Industries Minister Teresa Kok Suh Sim at the ceremony to release wolbachia-infected mosquitoes at the Sri Rakyat Apartment yesterday. — BBXPIX

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

TWO MORE ORANG ASLI ADMITTED TO HOSPITAL

KUALA TERENGGANU: Another two orang asli were admitted to the Hulu Terengganu Hospital in Kuala Berang on Friday, bringing the total to seven. In a statement yesterday, Terengganu health director Dr Mohd Jusoh said the two patients from Kampung Sungai Berua were a 23-year-old man and his four-month-old son. "Both of them have contact history with another orang asli patient who was confirmed positive for measles. "The father came with his son to the Hulu Terengganu Hospital for treatment after experiencing fever, cough and flu, and their condition is reportedly stable," he said.